

PM minta Melayu buktikan

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berharap bangsa Melayu membuktikan kemampuan membina kampus Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Johor.

"Kejayannya adalah kejayaan bangsa Melayu dan begitu juga kegagalannya dan jika gagal bangsa Melayu boleh menisfatkan diri mereka sebagai pondan," kata beliau ketika merasmikan Kem Latihan Kobena, di Jalan Pontian di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, beliau menisfatkan bangsa Melayu sebagai 'pondan' sekiranya projek ini gagal kerana mereka tidak mahu berusaha untuk memastikan kejayaannya.

Katanya, dalam projek pembinaan universiti ini, Kerajaan Malaysia dengan penuh harapan memberi tanggungjawab membina kampus \$500 juta itu kepada bangsa Melayu menerusi Koperasi Bella Nasional (KOBENA), supaya mereka membuktikan kepada negara dan dunia, bangsa Melayu juga berkebolehan mengendalikan sebarang kerja dengan jayanya jika diberi peluang.

Dengan harapan ini, tegas beliau, kerajaan mahu projek ini berjaya dalam masa enam tahun, mulai sekarang.

Kepada 253 pelatih kem itu yang menjadi kumpulan pertama pekerja pembinaan universiti itu dan juga bakal-bakal pelatih yang lain, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Di bahu saudara terletak tanggungjawab besar kerana kejayaan projek ini bukan akan menjadi kejayaan saudara sebarang tetapi kejayaan bangsa Melayu keseluruhannya dan kegagalannya ada-

JOHOR BARU, SABTU

lah juga kegagalan bangsa Melayu."

Jadi, janganlah kecewakan bangsa Melayu dan kerajaan yang ingin melihat hasil kerja tangan bangsa menerusi bangunan universiti ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir mahu setiap tenaga Melayu yang terlibat dalam projek ini jangan malas menyinging lengan. Sebaliknya mestilah tekun bekerja untuk memastikan projek ini siap menurut jadual.

"Anggaphlah projek ini sebagai ujian besar dan yang mesti diharungi dengan rajin dan tekun kerana kejayaannya perlu untuk membolehkan kita menempah cabaran besar yang lain," tegas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kerajaan boleh memberi tender membina universiti ini kepada kaum lain yang sememangnya pakar dalam bidang binaan.

Tetapi ini tidak dilakukan kerana hasrat kerajaan untuk melihat bangsa Melayu maju dalam apa jua bidang pembangunan, walaupun kerajaan tahu banyak

masalah yang akan dihadapi oleh mereka antaranya ketiadaan pengetahuan, pengalaman dan kapakan.

Tetapi kerajaan tidak memikirkkan kelemahan ini sebagai halangan. Sebaliknya bersedia memberi bantuan dalam mengatasinya.

Satu cara mengatasi kelemahan ini ialah dengan memberi latihan seperti yang dilakukan di kem itu di mana bella diajar berbagai bidang tugas pembinaan dengan kerjasama tenaga pakar dari Korea.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, apa yang kerajaan harapkan dari penglibatan orang Melayu dalam projek ini ialah kesanggupan bekerja, disiplin dan pengorbanan diri untuk memastikan kejayaan.

Kejayaan projek ini adalah kejayaan orang Melayu dan dengan terbinanya bangunan ini hasil keringat orang Melayu akan menghapuskan pandangan kaum lain dan dunia yang kononnya keturunan Melayu pemalas.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia